A

Nguyen Van Chung lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05(M)-488–10 TAHUN 2019
SURAYA OTHMAN, ABU BAKAR JAIS DAN GHAZALI CHA HHMR
10 OGOS 2022

C

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Sama ada pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah — Sama ada kegagalan memanggil saksi penting mengundang anggapan bertentangan — Sama ada isteri si mati saksi yang kredibel — Akta Keterangan s 114(g)

D

Perayu telah disabitkan dibawah s 302 Kanun Keseksaan dan dihukum dengan hukuman mati. Tidak berpuas hati dengan sabitan dan hukuman oleh hakim Mahkamah Tinggi, perayu telah merayu ke Mahkamah Rayuan. Fakta kes secara ringkasnya adalah bahawa si mati dan isterinya ('SP5') menjalankan perniagaan menjual tiket pesawat kepada warganegara Vietnam yang ingin pulang ke negara mereka. SP5 telah menerima panggilan telefon daripada perayu untuk berjumpa dengan tujuan untuk meminta SP5 mengembalikan semula wang yang telah dibayar untuk tiket penerbangan teman wanita perayu yang tidak dapat digunakan kerana terdapat masalah pada nombor kad pengenalan dan nombor paspot teman wanita perayu. Perjumpaan tersebut berlaku dengan kehadiran si mati, SP5, perayu dan teman wanita perayu. Mereka telah berbincang dan si mati mencadangkan untuk memulangkan separuh daripada jumlah yang dituntut yang mana perayu tidak berpuashati dan telah membawa kepada pertengkaran sehingga perayu menyerang si mati dengan sebilah pisau dan si mati telah rebah ditepi jalan. Selepas itu, perayu dan teman wanitanya terus melarikan diri dan SP5 cuba mengejar mereka namun hanya dapat memegang teman wanita perayu sahaja, namun terpaksa melepaskannya kerana ingin menyelamatkan si mati. Teman wanita perayu turut berpatah balik dan membantu SP5 membawa si mati ke kereta. Dua orang lelaki Cina yang berada di kawasan tersebut turut membantu membawa si mati ke Hospital yang berdekatan. Teman wanita perayu tidak turut sama ke hospital dan dia bersama-sama dengan perayu terus menghilangkan diri sejak insiden tesebut. Semasa itu, SP5 turut terlihat sebilah pisau yang berada di atas jalan dalam keadaan telah patah dua antara mata pisau dan hulunya. Apabila tiba di Hospital, keadaan si mati menjadi lebih parah. Si mati diterima oleh SP13 dan sebelum SP13 sempat memberikan rawatan, si mati telah meninggal dunia. Si mati dibawa ke Hospital Serdang dan SP10 telah menjalankan bedah siasat dan mendapati, antara lain, luka tikaman yang menembusi jantung si mati. SP10 membuat dapatan bahawa luka tikaman ini merupakan punca si

E

F

G

H

I

mati meninggal dunia sepertimana dinyatakan dalam laporan bedah siasat ('P19'). SP9 telah melakukan tangkapan ke atas perayu dan teman wanitanya di Johor Bahru. Perayu dalam rayuannya menghujahkan, antara lain, bahawa: (a) hakim bicara bergantung sepenuhnya kepada keterangan SP5 yang bukan satu keterangan kredibel dan tidak boleh berdiri dengan sendiri tanpa keterangan sokongan kerana SP5 mempunyai kepentingan berkenaan keputusan kes memandangkan dia merupakan isteri si mati; (b) wujud percanggahan antara keterangan SP5 dan SP12 apabila SP5 gagal menceritakan terdapatnya pergelutan dan pergaduhan manakalan SP12 mengatakan bahawa SP5 menceritakan kepadanya terdapat pergelutan dan pergaduhan diantara mereka sebelum si mati mendapat kecederaan; (c) SP5 bukanlah saksi yang boleh dipercayai dan tidak bercakap benar memandangkan keterangannya tidak konsisten. Sebagai saksi yang berkepentingan, keterangannya hendaklah dilayan atau diterima dengan berhati-hati. Hakim bicara gagal mengingatkan dirinya bahawa SP5 adalah isteri kepada si mati dan berkepentingan untuk mengada-adakan cerita berkaitan kejadian; (d) keterangan SP5 tidak disokong dengan keterangan daripada mana-mana saksi lain yang berada ditempat kejadian; dan (e) walaupun jelas teman wanita perayu merupakan saksi mata yang berada dan melihat kejadian, dia tidak dipanggil sebagai saksi. Hakim bicara gagal untuk mengundang pemakaian s 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap responden, sebaliknya hanya memilih untuk bergantung kepada keterangan SP5.

Diputuskan, membenarkan rayuan dan mengenepikan sabitan dan hukuman:

(1) Kegagalan responden untuk memanggil teman wanita perayu sebagai saksi pendakwaan telah memudaratkan kes pihak pendakwaan atas alasan bahawa penama ini tidak dipertikaikan hadir dan berada di tempat kejadian dan melihat sendiri pergaduhan dan pergelutan, ataupun gaduh gempar yang berlaku antara perayu dan si mati. SP5 dalam keterangannya jelas menyatakan bahawa pada masa kejadian mereka berempat ada ditempat kejadian iaitu perayu, si mati, SP5 dan juga teman wanita perayu. Berdasarkan keterangan ini sahaja sudah mencukupi bahawa teman wanita perayu ini adalah seorang saksi yang penting yang perlu dipanggil oleh responden. Responden telah gagal melepaskan beban pembuktian apabila gagal untuk memanggil saksi tersebut dan hakim bicara telah tersalah arah apabila gagal mengundang pemakaian s 114(g) Akta Keterangan 1950 (lihat perenggan 11(a)–(b) & (g)).

(2) Mahkamah bersetuju dengan penemuan hakim bicara bahawa SP5 merupakan seorang saksi yang kredibel. Akan tetapi hakim bicara perlu mengarahkan dirinya bahawa SP5 ini adalah isteri si mati dan berkemungkinan merupakan seorang saksi berkepentingan bahawa SP5 mungkin ingin melihat hasil daripada keterangannya yang mungkin diada-adakan (lihat perenggan 11(c)).

[English summary

The appellant was convicted under s 302 of the Penal Code and sentenced to the death. Dissatisfied with the conviction and sentence by the High Court judge, the appellant had appealed to the Court of Appeal. The fact of the case was that the deceased and his wife ('SP5') were in the business of selling flight tickets to Vietnamese citizens who wanted to return to their country. SP5 had received a phone call from the appellant to meet to ask SP5 to refund the money paid for the appellant's girlfriend's flight ticket which could not be used due to a problem with the identity card number and passport number of the appellant's girlfriend. The deceased, SP5, the appellant and the appellant's girlfriend met for a discussion. The deceased proposed to return half of the amount claimed and the appellant was not satisfied with it which led to an argument until the appellant attacked the deceased with a knife and the deceased collapsed on the side of the road. After that, the appellant and his girlfriend fled and SP5 tried to chase them but could only restrained the appellant's girlfriend, but had to release her to save the deceased. The appellant's girlfriend also turned back and helped SP5 to bring the deceased to the car. Two Chinese men who were in the area also helped bring the deceased to a nearby hospital. The appellant's girlfriend was not in the hospital and the appellant and her appellant dissapeared since the incident. During the incident, the SP5 saw a knife broken into two between the blade and its head. Upon arrival at the Hospital,the deceased's condition severed. The deceased was received by SP13 and before SP13 could provide treatment, the deceased died. The deceased was taken to Serdang Hospital and SP10 conducted an autopsy and found, among others, stab wounds that pierced the deceased's heart. SP10 made the finding that this stab wound was the cause of the deceased's death as stated in the post-mortem report ('P19'). SP9 arrested the appellant and his girlfriend in Johor Bahru. The appellant in his appeal contended, amongst others, that: (a) the trial judge relied entirely on SP5 evidence which was not a credible evidence and could not stand alone without corroboration as SP5 had an interest in the outcome of the case as she was the deceased's wife; (b) there was a contradiction between the evidence of SP5 and SP12 when SP5 failed to recall the struggle and fight when SP12 said that SP5 told him there was a struggle and a fight between them before the deceased was injured; (c) SP5 was not a credible witness and did not speak the truth as her evidence was inconsistent. As an interested witness, her evidence should be treated with caution. The trial judge failed to remind himself that SP5 the deceased's wife and was interested in fabricating stories related to the incident; (d) the evidence of SP5 was not corroborated by evidence from any other witness who was at the scene; and (e) even though it was clear that the appellant's girlfriend was an eye witness who saw the incident, she was not called as a witness. The trial judge failed to invoke s 114(g) of the Evidence Act 1950 against the respondent, instead chose to rely on SP5's evidence only.

Held, allowing the appeal and settiing aside the conviction and sentence:

(1) The respondent's failure to call the appellant's girlfriend as witness had affected the prosecution's case as it was not in dispute that she was present at the scene and saw the fights and struggles, or the violent fights that broke out between the appellant and the deceased. SP5 in her evidence clearly stated that at the time of the incident the four of them were at the scene i.e. the appellant, the deceased, SP5 and the appellant's girlfriend. Based on this evidence alone, it was sufficient that the appellant's girlfriend was an important witness whom ought to be called as witness. The respondent had failed to discharge the burden of proof when they failed to call the witness and the trial judge had erred when he failed to invoke the application of s 114(g) of the Evidence Act 1950 (see paras 11(a)–(b) & (g)).

(2) The court agreed with the trial judge's finding that SP5 was a credible witness. However, the trial judge should remind himself that this SP5 was the deceased's wife and likely to be an interested witness as SP5 might want to see the outcome of her evidence which might have been fabricated (see para 11(c)).]

Kes-kes yang dirujuk

Aszahaddi bin Abu Hassan lwn Pendakwa Raya [2011] 6 MLJ 20, MR (drujuk)
Ghazalee bin Kassim & Ors v PP [2018] supp MLJ 461; [2009] 4 CLJ 737, MP (dirujuk)
Munusamy v PP [1987] 1 MLJ 492, MA (dirujuk)
PP v Chia Leong Foo [2000] 6 MLJ 705, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Imigresen 1959/63 s 6(1)(c)
Akta Keterangan 1950 ss 32, 114(g)
Kanun Keseksaan s 302

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45B-10–03 Tahun 2017 (Mahkamah Tinggi, Shah Alam)

Salim Bashir (Nadia Syaza Rahizam bersamanya) (Salim Bashir Ruswiza & Co) bagi pihak perayu.
Samihah bt Rhazali (Aslinda bt Ahad bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Ghazali Cha HMR:

[1] Nguyen Van Chung, warganegara Vietnam ('perayu') telah disabitkan dengan kesalahan membunuh si mati Tan Aik Yeong (si mati) menurut s 302 Kanun Keseksaan. Di atas sabitan tersebut perayu telah dijatuhi hukuman

mati. Tidak berpuas hati dengan sabitan dan hukuman oleh Hakim Mahkamah Tinggi, perayu telah merayu ke Mahkamah Rayuan. A

[2] Berikut adalah pertuduhan yang dikenakan terhadap perayu:

Pertuduhan P2 (seksyen 302 Kanun Keseksaan) B

Bahawa kamu pada 28.8.2016 jam lebih kurang 9.50 malam bertempat Jalan Lebuh Utama, Tun Hussein Onn, di hadapan Pasaraya Econsave Balakong, di daerah Hulu Langat, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah melakukan bunuh ke atas seorang lelaki bernama Tan Aik Yeong (No. KP: 770828–04–5657) dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan. C

[3] Rayuan perayu telah kami dengar pada 13 Ogos 2021. Selepas kedua-dua pihak berhujah dan selepas kami meneliti hujahan bertulis oleh kedua-dua pihak, kami telah memutuskan untuk membenarkan rayuan perayu seterusnya mengenepikan sabitan dan hukuman hakim bicara terpelajar. Perayu telah dilepaskan dan dibebaskan. D

[4] Sebagai pencerahan, kami perturunkan fakta-fakta kes ini secara ringkas: E

(a) pada 28 Ogos 2016 jam lebih kurang 9.50 malam, SP5, isteri si mati telah menerima panggilan telefon daripada OKT yang merupakan pelanggan si mati untuk berjumpa. Pada masa tersebut, si mati dan SP5 menjalankan perniagaan menjual tiket pesawat kepada warganegara Vietnam yang ingin pulang ke negara mereka; F

(b) tujuan OKT ingin berjumpa si mati adalah untuk meminta SP5 mengembalikan semula wang berjumlah RM1,400 yang telah dibayar kepada SP5 kerana tiket penerbangan yang telah dibekalkan kepada Nguyen Thi Ly (teman wanita OKT) tidak dapat digunakan oleh kerana terdapat masalah pada nombor kad pengenalan dan nombor paspot Nguyen Thi Ly; G

(c) perjumpaan mereka telah berlaku di Pasaraya Econsave Balakong di mana si mati telah hadir bersama SP5 manakala OKT telah hadir bersama teman wanitanya. Semasa perjumpaan tersebut mereka telah berbincang dan si mati telah mencadangkan untuk memulangkan separuh sahaja daripada jumlah yang dituntut. OKT tidak berpuashati lantas berlaku pertengkaran sehingga akhirnya OKT telah menyerang si mati dengan sebilah pisau dan si mati telah rebah di tepi jalan; H

(d) selepas itu, OKT dan teman wanitanya terus melarikan diri dan SP5 cuba mengejar namun hanya dapat memegang teman wanita OKT sahaja dan akhirnya terpaksa melepaskan juga kerana ingin menyelamatkan si mati. SP5 telah jatuh semasa cuba menangkap teman wanita OKT dan mengalami cedera ringan; I

(e) melihat keadaan tersebut, teman wanita OKT telah berpatah balik dan membantu SP5 membawa si mati ke kereta, dua orang lelaki Cina yang berada di kawasan tersebut turut membantu membawa OKT ke Hospital Columbia yang berdekatan. Teman wanita OKT tidak turut bersama pergi ke hospital dan dia bersama OKT terus menghilangkan diri sejak insiden tersebut. Semasa itu SP5 juga telah terlihat sebilah pisau yang berada di atas jalan dalam keadaan telah patah dua antara mata pisau dan hulunya;

(f) apabila tiba di Hospital Columbia keadaan si mati menjadi lebih parah di mana si mati mengalami kesukaran bernafas dan pendarahan yang banyak, SP13 telah menerima si mati dan sebelum sempat memberikan rawatan si mati telah menghembuskan nafasnya yang terakhir;

(g) si mati kemudiannya telah dibawa ke Hospital Serdang untuk proses bedah siasat. SP10 telah menjalankan bedah siasat ke atas mayat si mati, dan mendapati terdapat kesan lecet pada dahi, bawah mata dan atas bibir sebelah kiri dan juga hidung si mati. Penemuan yang paling penting adalah terdapat luka tikaman di bawah puting kiri si mati dengan bukaan sebesar 2.4cm dan lebar 0.8cm. Kesan tikaman ini juga didapati sedalam 8.5cm menembusi jantung si mati. SP10 membuat dapatan bahawa si mati telah meninggal dunia akibat luka tikaman di jantung seperti mana yang dinyatakan dalam Laporan Bedah Siasat (P19); dan

(h) pada 9 September 2016, SP9 telah melakukan tangkapan ke atas OKT dan teman wanita OKT di Johor Bahru dan mereka dibawa pulang ke IPD Kajang untuk tindakan lanjut.

[5] Melalui pengamatan kami yang telah dibuat dengan penuh cermat, kami mendapati bahawa hakim bicara telah membuat penemuan yang betul didalam menilai keterangan saksi-saksi pihak responden, khususnya mengenai inti pati penting pertuduhan. Walau bagaimanapun kami mendapati bahawa hakim bicara hanya bergantung sepenuhnya kepada keterangan SP5 iaitu isteri kepada si mati. Begitu juga hakim bicara telah gagal untuk mengguna pakai s 114(g) Akta Keterangan 1950, apabila pihak responden gagal untuk memanggil teman wanita si mati Nguyen Thi Ly, yang turut juga berada bersama-sama di tempat kejadian dan menyaksikan kejadian pergelutan dan gaduh gempar diantara si mati dengan perayu.

HUJAHAN PERAYU

[6] Sukacitalah kami merujuk kepada hujahan peguambela perayu terpelajar, yang diantara lainnya berhujah seperti berikut mengenai isu ini:

(a) di dalam membuat dapatan mengenai elemen ketiga dibawah s 302 Kanun Keseksaan, hakim bicara bergantung sepenuhnya kepada keterangan SP5, dimana keterangan SP5 bukanlah satu-satunya

keterangan yang kredibel dan tidak boleh berdiri dengan sendirinya tanpa keterangan sokongan (*not credible evidence and could not stand on its own without any supporting evidence*). SP5 mempunyai kepentingan berkenaan keputusan kes ini, memandangkan dia adalah isteri kepada si mati;

(b) keterangan SP5 bercanggah dengan keterangan oleh SP12 apabila SP5 telah gagal menceritakan di mahkamah bahawa terdapatnya pergelutan dan pergaduhan (*sudden fight and a scuffle*) diantara si mati dengan perayu. Ini kerana, melalui keterangan SP12, dia ada mengatakan bahawa SP5 telah menceritakan kepadanya bahawa terdapat pergelutan dan pergaduhan diantara mereka sebelum si mati mendapat kecederaan;

(c) SP5, menurut peguambela, bukanlah seorang saksi yang boleh dipercayai dan beliau tidak bercakap benar memandangkan keterangan beliau tidak konsisten. Sebagai saksi yang berkepentingan, keterangannya hendaklah dilayan atau diterima dengan berhati-hati (*suspicion and caution*). Hakim bicara telah gagal mengingatkan dirinya bahawa SP5 adalah isteri kepada si mati dan berkepentingan untuk mengada-adakan cerita berkaitan kejadian ini;

(d) keterangan SP5 juga telah tidak disokong dengan keterangan daripada mana-mana saksi yang berada di tempat kejadian. Saksi lain yang turut berada di tempat kejadian iaitu teman wanita perayu telah tidak dipanggil sebagai saksi oleh pihak responden;

(e) walaupun jelas bahawa Nguyen Thi Ly merupakan saksi mata yang berada dan melihat kejadian itu, tetapi tidak dipanggil pleh pihak responden sebagai saksi mereka, hakim bicara masih gagal untuk mengundang pemakaian s 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap pihak responden, sebaliknya hanya memilih untuk bergantung kepada keterangan SP5 sahaja;

(f) hujah peguambela perayu seterusnya ialah, pihak responden walaupun sedar bahawa mereka gagal mengesan dan memanggil Nguyen Thi Ly sebagai saksi, tiada percubaan oleh responden untuk mengemukakan pernyataan beliau kepada pihak polis di mahkamah perbicaraan, iaitu menurut s 32 Akta Keterangan 1950;

(g) mengenai isu ini, adalah hujah perayu bahawa, bukanlah tanggungjawab perayu untuk menutup segala kelompongan di dalam kes pendakwaan, iaitu bagi memastikan siapa yang menyebabkan kematian terhadap si mati. Peguambela perayu telah merujuk kepada kes *Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492 dan *Ghazalee bin Kassim & Ors v Public Prosecutor* [2018] supp MLJ 461; [2009] 4 CLJ 737; dan

(h) akhir sekali, peguambela perayu berhujah bahawa kegagalan memanggil teman wanita perayu tersebut telah meninggalkan satu kelompangan kepada kes pihak responden seterusnya s 114(g) hendaklah sepatutnya diundang oleh hakim bicara.

HUJAHAN PIHAK RESPONDEN

[7] Timbalan pendakwa raya terpelajar telah berhujah ringkas mengenai isu ini dengan mengatakan bahawa hakim bicara adalah betul dalam membuat penemuan bahawa kegagalan memanggil teman wanita perayu itu, tidak memudaratkan kes responden. Hakim bicara telah memberikan tiga alasan iaitu:

(a) wanita tersebut telah diusir ke negara asal selepas dituduh dan disabitkan dibawah s 6(1)(c) Akta Imigresen. Tiada rekod keluar atau masuk lagi selepas itu;

(b) adalah budi bicara pihak pendakwaan didalam memanggil saksi-saksi mereka sebagaimana kes *Aszahaddi bin Abu Hassan lwn Pendakwa Raya* [2011] 6 MLJ 20; dan

(c) keterangan SP5 sentiasa disokong oleh keterangan dari SP10.

[8] Seterusnya timbalan pendakwa raya terpelajar telah menghujahkan bahawa kegagalan memanggil Nguyen Thi Ly tersebut tidak memudaratkan kes pendakwaan kerana kes pendakwaan telah berjaya dibuktikan melalui keterangan SP5 yang disokong dengan saksi-saksi pendakwaan yang lain.

[9] Satu anggapan bertentangan, menurut timbalan pendakwa raya, adalah tidak terpakai di sini kerana anggapan bertentangan hanyalah terpakai di dalam keadaan dimana terdapatnya 'with-holding or suppression of evidence' oleh pihak pendakwaan dan bukanlah semata mata kerana gagal mengemukakan keterangan. Responden juga turut merujuk kepada kes *Munusamy v Public Prosecutor* (di atas).

PENEMUAN MAHKAMAH RAYUAN

[10] Kami telah meneliti hujahan oleh kedua-dua pihak di atas, begitu juga hujahan-hujahan lisan kedua-dua pihak di mahkamah terbuka. Seterusnya kami telah sebulat suara membenarkan rayuan perayu ini dan mengenepikan sabitan dan hukuman mati yang diperintahkan oleh hakim Mahkamah Tinggi terpelajar.

[11] Sukacitalah kami memberikan alasan-alasan kami seperti berikut:

(a) daripada pengamatan kami, kegagalan pihak responden untuk memanggil Nguyen Thi Ly sebagai saksi pendakwaan telah memudaratkan kes pihak pendakwaan atas alasan pendakwaan bahawa penama ini tidak dipertikaikan hadir dan berada di tempat kejadian dan melihat sendiri pergaduhan dan pergelutan, ataupun 'gaduh gempar' yang berlaku di antara perayu dan juga si mati;

(b) SP5 didalam keterangannya dengan jelas mengatakan bahawa pada masa kejadian mereka berempat berada di tempat kejadian, iaitu si mati, perayu, SP5 dan juga Nguyen Thi Ly. Berdasarkan kepada keterangan ini sahaja sudah mencukupi bahawa penama Nguyen Thi Ly ini adalah merupakan seorang saksi yang penting yang perlu dipanggil oleh pihak responden;

(c) kami bersetuju dengan penemuan hakim bicara bahawa SP5 merupakan seorang saksi yang kredibel. Akan tetapi hakim bicara perlu mengarahkan dirinya bahawa SP5 ini adalah isteri kepada si mati. Kemungkinan SP5 ini menjadi seorang saksi berkepentingan tidak boleh diketepikan. Sepertimana dihujahkan oleh peguambela perayu bahawa SP5 mungkin ingin melihat hasil daripada keterangannya yang mungkin diada-adakan (*PW5 has an interest in the outcome of the case and to concoct stories in regards to the incident*);

(d) kami juga bersetuju dengan hujahan oleh pihak responden yang mengatakan bahawa hak untuk memanggil saksi-saksi adalah satu hak mutlak ataupun prerogatif kepada pihak responden jadi, walaupun saksi Nyuyen Thi Ly tidak dipanggil memberi keterangan, ia tidaklah memudaratkan kes responden;

(e) mengenai isu ini kami merujuk kepada penghakiman Augustine Paul J (pada masa itu) di dalam kes *Public Prosecutor v Chia Leong Foo* [2000] 6 MLJ 705:

> Thus the question to be asked in each case is whether the prosecution has proved its case even without calling some other witnesses who are available. An adverse inference cannot be drawn for failure to call a witness when the prosecution has discharged its burden (see *Namasiyam and Ors v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 336... As Yong Pung How CJ said in *Chua Kim Long v Public Prosecutor* [1996] 1 SLR 510 at pp 523–524:
>
> > The appellant's contention was that the failure of the prosecution to adduce the evidence of those other gamblers meant that the court could presume that the evidence would have gone against the prosecution, that is that there were no such visits.
> >
> > Such arguments are commonly made. Commonly too, such arguments are without merit. The court must hesitate to draw any such presumption unless the witness not produced is essential to the prosecution's case. Any criminal transaction may be observed by a number of witnesses. It is not

A necessary for the prosecution to produce every single one of those witnesses. All the prosecution need to do is to produce witnesses whose evidence can be believed so as to establish the case beyond a reasonable doubt. Out of a number of witnesses, it may then only be necessary to bring in one or two; as long as those witnesses actually produced are able to give evidence of the transaction, there is no reason all of the rest should be called, nor drawn that the evidence of those witnesses not produced would have been against the prosecution.

(f) adalah jelas dan nyata melalui petikan di atas, beban di atas bahu pihak pendakwaan/responden untuk memanggil saksi-saksi untuk membuktikan kes 'beyond reasonable doubt'. Satu anggapan bertentangan (*adverse inference*) tidaklah boleh diambil oleh hakim bicara bilamana pihak pendakwaan telah melepaskan beban yang mereka pikul dengan saksi-saksi yang mereka telah panggil memberi keterangan;

(g) berbalik kepada kes semasa, persoalan yang utama ialah sama ada pihak responden telahpun melepaskan beban pembuktian apabila mereka gagal untuk memanggil saksi Nguyen Thi Ly tersebut? Kami berpendapat bahawa pihak pihak responden telah gagal melepaskan beban tersebut. Hakim bicara telah tersalah arah apabila gagal mengundang pemakaian s 114(g) Akta Keterangan 1950; dan

(h) kami ingin menegaskan di sini, bahawa didalam kes-kes yang melibatkan hukuman mati, hakim bicara hendaklah lebih berhati-hati di dalam menilai keterangan saksi-saksi, khususnya saksi pendakwaan, agar satu prejudis tidak berlaku kepada perayu.

[12] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang kami nyatakan di atas, kami berpuas hati bahawa hakim Mahkamah Tinggi telah tersalah arah dari segi fakta dan undang-undang didalam membuat keputusan di dalam kes ini, oleh itu kami perlu mengganggu sabitan yang dibuat oleh hakim bicara.

[13] Dengan ini kami sebulat suara membenarkan rayuan perayu ini dan mengenepikan sabitan dan hukuman hakim bicara. Perayu diperintahkan supaya dilepaskan dan dibebaskan.

Rayuan dibenarkan, perayu dilepaskan dan dibebaskan.

Dilaporkan oleh Izzat Fauzan